



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP**

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON
TAWARAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM INSPIRASI KITA BELI BARANGAN MALAYSIA TAHUN 2026

PERINGATAN PENTING:

**PEMOHON DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI
DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG
TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN INI**

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON

TAWARAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM INSPIRASI KITA BELI BARANGAN MALAYSIA TAHUN 2026.

Pemohon dikehendaki mematuhi sepenuhnya Arahan Dan Syarat Kepada Pemohon bagi **Permohonan Pelaksanaan Program Inspirasi Kita Beli Barangan Malaysia Tahun 2026**. **KEGAGALAN** MEMATUHI mana-mana arahan atau syarat yang dinyatakan boleh menyebabkan **PERMOHONAN DITOLAK**.

1. Kelayakan Pemohon

- (i) Pemohon adalah syarikat tempatan yang berdaftar, bertapak dan menjalankan perniagaan di Malaysia.
- (ii) Pemohon perlu mahir dengan pengurusan dalam Perkhidmatan yang perlu dijalankan.
- (iii) Pemohon mempunyai kemudahan pelaksanaan dari segi logistik, peralatan dan tenaga kerja yang mencukupi untuk melaksanakan Perkhidmatan.
- (iv) Keutamaan diberikan kepada Syarikat Bumiputera.
- (v) Memiliki Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Berserta **kod bidang (221305) - Penyediaan Pentas / Pameran Pertunjukan, Taman Hiburan Dan Karnival / Pestaria di bawah Kementerian Kewangan Malaysia**

2. Tempoh Pelawaan dan Penghantaran Dokumen Sebut Harga

- (i) Borang Permohonan yang telah lengkap dan ditandatangani hendaklah dihantar secara **FIZIKAL MELALUI SERAHAN TANGAN** beserta **E-MEL tidak lewat jam 12.00 tengahari pada 21 Mei 2026**. Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemohon bagi menyediakan permohonan boleh dituntut daripada pihak Kerajaan.
- (ii) Dokumen hendaklah dikemukakan secara **FIZIKAL** dan **MELALUI SERAHAN TANGAN** di **Unit BD2, Bahagian Pembangunan Perniagaan, Syarikat dan Jualan Langsung Aras 5 (Menara), KPDN Putrajaya** dan **E-MEL** ke alamat emel Sekretariat KBBM di kbbm_kitabelibaranganmalaysia@kpdn.gov.my.

3. Skop Pelaksanaan /Spesifikasi Kerja

PENTING: SYARIKAT DIKEHENDAKI MENGEMUKAKAN TAWARAN HARGA BAGI SETIAP SPESIFIKASI YANG TELAH DISEDIAKAN OLEH PIHAK URUSETIA.

Skop pelaksanaan / Spesifikasi Kerja bagi Permohonan Pelaksanaan Program Inspirasi Kita Beli Barangan Malaysia Tahun 2026 adalah seperti **di Lampiran C.**

4. Lokasi Pelaksanaan

Berikut merupakan cadangan lokasi dan tarikh pelaksanaan oleh Kementerian:

BIL	NEGERI	CADANGAN LOKASI*	CADANGAN TARIKH*
1	TERENGGANU	PERKARANGAN STADIUM SULTAN MIZAN, GONG BADAQ, KUALA NERUS, TERENGGANU	25-27 JUN 2026
2	SABAH	MAJLIS PERBANDARAN TAWAU/ KOMPLEKS SUKAN TAWAU, SABAH	24-26 JULAI 2026
3	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (Nota: Pelaksanaan secara berskala besar (MEGA))	PERKARANGAN STADIUM BUKIT JALIL/ PUTRA WORLD TRADE CENTRE (PWTC)	9-13 SEPTEMBER 2026

**Tertakluk dari perubahan dari semasa ke semasa*

5. Dokumen Permohonan

a) Pemilihan Lokasi Negeri

- (i) Pemohon **WAJIB** memohon dan melaksanakan perkhidmatan bagi **KESEMUA TIGA (3) negeri** yang disenaraikan oleh Kementerian melalui perbincangan dan kerjasama bersama KPDN Negeri yang berkaitan; dan
- (ii) Pemohon hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN YANG SAMA** bagi **SEMUA NEGERI YANG DISENARAikan**.

b) Panduan Pengisian Borang Permohonan

- (i) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang Permohonan mengikut format yang telah ditetapkan;
- (ii) **Borang Permohonan** hendaklah dilengkapi dengan **KEMAS dan JELAS serta** menggunakan pen berdakwat hitam dan ditulis dengan huruf besar (*capital letter*) atau ditaip;
- (iii) **SEMUA** Borang Permohonan dan dokumen-dokumen yang disertakan hendaklah dilampirkan **BERSAMA** di dalam **satu (1) SAMPUL dan E-MEL yang sama**. Sebarang dokumen yang dihantar berasingan **TIDAK AKAN DITERIMA**; dan
- (iv) KPDN berhak untuk menolak sebarang Borang Permohonan yang tidak mengikut panduan yang telah ditetapkan.

c) Semak Dokumen yang perlu dikemukakan oleh Pemohon

DOKUMEN	BIL	SENARAI DOKUMEN
Dokumen Wajib	1	BORANG PERMOHONAN a) Bahagian 1: Profil Syarikat b) Bahagian 2: Kemudahan Kredit c) Bahagian 3: Tawaran Harga Keseluruhan dan Lampiran E d) Bahagian 4: Pengalaman Syarikat e) Bahagian 5: Borang Maklumat Peralatan dan Kemudahan Logistik oleh Syarikat f) Bahagian 6: Maklumat Bilangan Pekerja g) Senarai Semak
	2	KERTAS CADANGAN BAGI PERMOHONAN BAGI PELAKSANAAN PROGRAM JELAJAH KITA BELI BARANGAN MALAYSIA TAHUN 2026. Kertas Cadangan/ dokumen permohonan merangkumi butiran tawaran harga, cadangan konsep dan rekaan bagi keseluruhan pelaksanaan sepertimana spesifikasi kerja yang dinyatakan. Syarikat juga wajib memohon bagi melaksanakan perkhidmatan di tiga (3) buah negeri yang senaraikan.

DOKUMEN	BIL	SENARAI DOKUMEN
	3	SALINAN DOKUMEN PENDAFTARAN SYARIKAT/ PERNIAGAAN YANG BERDAFTAR DI BAWAH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) Salinan dokumen ini mestilah masih sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pelaksanaan program
	4	SALINAN DOKUMEN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (<i>Tax Compliance Certificate – TCC</i>) YANG DIKELUARKAN OLEH LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM) Salinan dokumen ini mestilah sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pelaksanaan program
	5	SALINAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERSERTA SATU KOD BIDANG ((221305) - PENYEDIAAN PENTAS / PAMERAN PERTUNJUKAN, TAMAN HIBURAN DAN KARNIVAL/PESTARIA) DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA Salinan dokumen ini mestilah masih sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pelaksanaan program
	6	SALINAN PENYATA BANK Salinan Rasmi Penyata Bank Tiga (3) Bulan Terkini ● WAJIB DISAHKAN OLEH INSTITUSI KEWANGAN/BANK untuk tiga (3) bulan terkini. ● (Bulan Januari 2026 - Mac 2026) (Nota: Janaan mesin (ATM atau CDM) sahaja dan tiada pengesahan oleh institusi Kewangan / bank / didapati palsu TIDAK AKAN DITERIMA)

d) Tatacara Penghantaran Borang Permohonan

- (i) Borang Permohonan/Kertas Cadangan yang lengkap hendaklah dihantar secara **FIZIKAL** melalui **SERAHAN TANGAN DAN MENERUSI EMEL** sepertimana butiran berikut:-

PENGHANTARAN	BUTIRAN
Serahan Tangan (FIZIKAL)	Unit BD2, Bahagian Pembangunan Perniagaan, Syarikat dan Jualan Langsung Aras 5 (Menara), 62623 KPDN Putrajaya.
E-mel	kbbm_kitabelibaranganmalaysia@kpdn.gov.my

- (ii) Borang Permohonan hendaklah dilengkapi mengikut format yang telah disediakan dan memastikan dokumen **DIISI DENGAN JELAS DAN TERATUR**.
- (iii) Borang Permohonan/ Kertas Cadangan dan dokumen berkaitan yang dikemukakan perlu dicetak di atas kertas berwarna putih, bersaiz A4 dan dihantar di dalam sampul bagi penghantaran fizikal. Manakala, bagi penghantaran menerusi e-mel, dokumen tersebut hendaklah dipastikan diimbaskan dengan jelas (*scan*) menggunakan format *portable document format* (pdf);
- (iv) Kesemua dokumen yang dikemukakan perlu dimasukkan bersekali di dalam sampul bersama Borang Permohonan bagi **PENGHANTARAN SECARA FIZIKAL MELALUI SERAHAN TANGAN** ke alamat Pejabat yang telah dinyatakan. Sebarang kecaciran penghantaran dokumen tidak akan dipertimbangkan untuk dinilai oleh pihak Kementerian.
- (v) **PENTING:** Sekiranya dokumen yang dihantar melalui e-mel melebihi kuota saiz yang dibenarkan, pemohon **WAJIB** mengemukakan pautan muat turun dokumen dengan menyatakan pautan akses dokumen tersebut menerusi (*Google Drive*) di dalam emel yang sama. Sebarang kecaciran penghantaran dokumen tidak akan dipertimbangkan untuk dinilai oleh pihak Kementerian.

6. Tempoh Sah Laku Tawaran

- a) Tempoh sah laku tawaran pemohon hendaklah 180 hari daripada tarikh tutup iklan; dan
- b) Mana-mana pemohon yang mengemukakan tempoh sah laku harga kurang daripada masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

7. Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima (SST)

Kerajaan akan mengeluarkan Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima (SST) kepada Pemohon yang berjaya dan SST tersebut perlulah **dikembalikan kepada Kementerian dalam tempoh empat belas (14) hari** daripada tarikh ianya dikeluarkan oleh Kementerian.

8. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

- a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*].
- b) Pemohon yang didapati mengemukakan maklumat atau dokumen palsu bagi menyertai permohonan sebut harga ini adalah melakukan kesalahan di bawah Akta 694.
- c) Mana-mana kontraktor atau Pemohon yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta 694.
- d) Pemohon yang berminat menyertai tawaran mengemukakan sebut harga ini perlu mematuhi PK 1.6 (Integriti dalam Perolehan Kerajaan) dan PK 8 (Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan).

9. Maklumat Tambahan

Sebarang keperluan maklumat tambahan mengenai permohonan ini boleh dirujuk kepada:

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup,
Bahagian Pembangunan Perniagaan, Syarikat dan Jualan Langsung,
Unit BD2, Seksyen Pembangunan Perniagaan,
Aras 5 (Menara), No 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya.**

Untuk Perhatian:

- i. **Sekretariat KBBM**
E-mel: kbbm_kitabelibaranganmalaysia@kpdn.gov.my
- ii. **Dira Shahira Begum binti Doulath Sharif**
No. Tel: 03 8882 6497
E-mel: dirashahira@kpdn.gov.my
- iii. **Puan Wardah binti Zaidun**
No. Tel: 03 8882 6931
E-mel: wardah.zaidun@kpdn.gov.my
- iv. **Cik Nur Fatin Filzati binti Badrul**
No. Tel: 03 8882 6488
E-mel: fatin_filzati@kpdn.gov.my

*Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Kos Sara Hidup (KPDN)*